

BIL 21 24 - 30 MEI 2019

PERCUMA PP19441/12/2018 (035014)

mediawargakota



BICARA EKSKLUSIF

Sinergi lestarkan alam sekitar



7

Raja Permaisuri Agong pamer kemahiran masak bubur lambuk



8

Pusat sisa sayur jimat kos



3

Khalid Samad tegaskan beliau bukan mahu lindungi pemaju projek pembangunan di Taman Rimba Kiara

Selamatkan dana DBKL



KHALID



TAMAN Persekutuan Bukit Kiara tetap kekal dengan kehijauannya.

MENTERI Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad menyerahkan kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Peguam Negara untuk menentukan cadangan projek pembangunan berhampiran Taman Rimba Kiara, Kuala Lumpur sama ada sah atau sebaliknya.

Setelah itu, perkara berkenaan bakal dikemukakan kepada Kabinet untuk membuat keputusan sama ada projek itu dapat diteruskan dengan cadangan perubahan skala lebih kecil atau dibatalkan.

Dalam hal ini, Khalid manafikan beliau melindungi hak pemaju sebaliknya mahu menyelamatkan dana awam milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) daripada digunakan sewenang-wenangnya.

Kata beliau, sekiranya projek itu dibatalkan, DBKL perlu membayar ganti rugi sehingga RM150 juta kepada pemaju dan langkah ini adalah satu pembaziran kepada dana awam.

Projek pembangunan tidak 'sentuh' Taman Rimba Kiara

Oleh AINI MAWAWI
ainiwilayahku@gmail.com

KUALA LUMPUR - Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) sekali lagi memberikan jaminan bahawa kawasan hijau di Taman Rimba Kiara di sini kekal segar seperti sedia kala dan tidak terjejas akibat projek pembangunan yang dirancang di sekitar lokasi berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Zaizalnizam Zainun menegaskan, projek pembangunan yang pada asalnya diluluskan seluas 4.9 hektar telah dikecilkan skalanya kepada 3.2 hektar bagi menghormati permintaan penduduk di Taman Tun Dr. Ismail (TTDI) di sini.

Beliau memberitahu, nasib penduduk Rumah Panjang Bukit Kiara juga terbebas apabila mereka kekal di tapak asal sehingga projek Rumah Wilayah Persekutuan

tuan (RUMAWIP) yang dijanjikan di atas tanah seluas satu ekar siap dibina.

"Keutamaan akan diberikan kepada pembinaan rumah mampu milik setinggi 45 tingkat dengan 100 unit akan diberikan secara percuma kepada penduduk rumah panjang."

"Generasi kedua penduduk di situ pula ditawarkan diskaun 50 peratus. Selain itu, tiada rumah transit buat penduduk-penduduk rumah panjang kerana mereka tidak akan dipindahkan sehingga rumah baharu mereka siap dibina," ujarnya kepada pemberita di sini baru-baru ini.



ZAIZALNIZAM (tengah) menerangkan kawasan cadangan projek pembangunan yang tidak akan menjadikan kawasan hijau di Taman Rimba Kiara baru-baru ini. Gambar - NAZIRUL ROSELAN

Katanya lagi, sebanyak RM155 juta telah dibelanjakan untuk projek itu termasuk premium kepada pihak pemaju dan kos kepada Pejabat Tanah dan Galian untuk kelulusan DO.

Pada 2017, projek pembangunan di Taman Rimba Kiara menjadi kontroversi apabila DBKL

telah mengeluarkan perintah pembangunan bagi projek mega di atas lot seluas 4.9 hektar di kawasan berkenaan.

Perintah pembangunan tersebut mendapat bantahan penduduk TTDI yang mendakwa ia bakal menghapuskan kejauhan alam semula jadi di Taman Rimba Kiara.

Zaizalnizam menjelaskan, buat masa ini tiada sebarang pembangunan dilakukan di kawasan berhampiran Taman Rimba Kiara sementara pihaknya menunggu perintah pembangunan (DO) yang baharu daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Ini kerana katanya, DO yang baharu hanya dapat dikeluarkan selepas Kabinet mem-

buat keputusan.

"Memandangkan satu pelan baharu telah dikemukakan bagi projek berkenaan, sebarang kerja pembinaan hanya boleh dilakukan selepas DO baharu dikeluarkan," katanya.

Zaizalnizam berkata, sebanyak 1.6 hektar (empat ekar) lagi tanah dengan kawasan tempat letak kereta yang dinilai taraf.

"Pokok di kawasan letak kereta itu akan dipindahkan di mana ia tidak akan dimusnahkan sebaliknya ditanam semula ke dalam taman tersebut," katanya sambil menjelaskan sepatutnya tidak berlaku kekeliruan bahawa projek berkenaan akan menjasakan kawasan taman rekreasi berkenaan.

Zaizalnizam memberitahu, nilai kasar pembangunan (GDV) projek berkenaan turut bakal menyaksikan penurunan iaitu dari RM3 bilion kepada RM1.5 bilion.

Projek pembangunan Taman Rimba Kiara bakal diputuskan Kabinet

Bayar pampasan RM150 juta satu pembaziran

KUALA LUMPUR - Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad menegaskan, hanya pihak mahkamah boleh membuat keputusan sama ada cadangan projek pembangunan berhampiran Taman Rimba Kiara di sini sama ada tidak sah atau sebaliknya.

Beliau menjelaskan, pihaknya telah melakukan terbaik bagi mengendalikan isu berkenaan dan buat masa ini laporan mengenai cadangan berkenaan sedang disiapkan bagi dibentangkan di Kabinet.

Laporan berkenaan kemudiannya akan dikemukakan kepada pihak terbabit termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Peguam Negara.

"Jadi biarkan SPRM melakukan kerja mereka, jika didapati tidak sah (projek berkenaan) ia akan memaklumkan kepada Peguam Negara dan beliau akan kaji dari segi kekuatan kes," katanya kepada pemberita selepas Program Agihan Sumbangan dan Majlis Berbuka Puasa di Masjid Jamek Kampung Baru baru-baru ini.

Beliau ditanya mengenai perkembangan kontroversi cadangan projek pembangunan berhampiran Taman Rimba Kiara yang berdepan tentangan penduduk Taman Tun Dr. Ismail (TTDI) yang mendakwa ia akan menjadikan kawasan hijau di situ.

Terdahulu dalam sidang akhbar di pejabat di Putrajaya pada Khamis lepas, Khalid menafikan beliau melindungi hak pemaju seperti didakwa sesetengah pihak sebaliknya mahu menyelamatkan dana awam dan tidak mahu dana Dewan



KHALID menunjukkan peta cadangan projek pembangunan berhampiran Taman Rimba Kiara di pejabatnya di Putrajaya baru-baru ini.

Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) digunakan sewenang-wenangnya.

Kata beliau, sekiranya projek itu dibatalkan, DBKL perlu membayar ganti rugi sehingga RM150 juta kepada pemaju dan langkah ini adalah satu pembaziran kepada dana awam. "Duit DBKL bukan milik saya yang boleh digunakan

sesuka hati," tegasnya.

Sehubungan itu, beliau berkata, isu projek berkenaan akan dibawa ke Kabinet untuk diputuskan sama ada ia dibatalkan dengan sejumlah pampasan dibayar kepada pemaju atau diteruskan dengan cadangan saiz projek dikecilkan.

Katanya, kertas kerja cadangan

penyelesaian tersebut akan diselesaikan dalam tempoh sebulan sebelum dibentang kepada Kabinet.

Difahamkan Khalid turut mengadakan pertemuan dengan Pengarah Eksekutif C4, Cynthia Gabriel dan bekas Pengurus Bersih, Datuk S. Ambiga bagi menjelaskan isu projek berkenaan baru-baru ini.

Sebelum ini, Yayasan Wilayah Persekutuan yang dipengerusikan Khalid dan pemaju berkompromi serta bersetuju untuk mengecilkan cadangan pembangunan dari 12 ekar (4.9 hektar) kepada lapan ekar (3.2 hektar).

Baki empat ekar tanah akan dipulangkan agar dapat dirizabkan menjadi kawasan lapang supaya bersekali dengan tapak seluas 13 ekar sedia ada di sebelahnya. Ini bermakna sejumlah 17 ekar (6.9 hektar) kawasan Taman Rimba Kiara masih tidak diceroboh.

YWP dan pemaju juga berkompromi untuk mengurangkan skala pembangunan dari lapan blok ke empat blok kondominium yang sepatutnya menjadi sumber subsidi silang bagi tanah dan kos pembinaan rumah mampu milik untuk penduduk rumah panjang di kawasan itu.

Rahsia Zainal Abidin amal Al-Fatihah

Oleh NAZIRUL ROSELAN

SETELAH lebih tiga dekad berkecimpung dalam acara tradisi memasak bubur lambuk membuat Zainal Abidin Abdul Hamid, 64, begitu menguasai cara menyediakan juadah kegemaran ramai setiap kali bulan Ramadhan itu.

Zainal Abidin kini bertindak sebagai ketua tukang masak mencurahkan berpengalamannya kepada anak-anak muda yang dilatih memasak juadah tersebut di Masjid Jamek Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Tugas itu bukan mudah kerana puluhan periuk perlu diuruskan untuk menyediakan bubur lambuk tersebut kepada orang ramai untuk berbuka puasa.

Dengan bahang kehangatan nasi yang ditanak pasti menguji keimanan apabila tekak kekeringan sambil tangan perlu mengacau bubur agar tidak hangit.

Zainal Abidin menceritakan, setiap pagi sepanjang bulan Ramadan, dia dan penduduk serta sukarelawan mula memasak bubur lambuk seawal pukul 8 pagi di pekarangan masjid.

"Setiap kali sebelum memasak bubur lambuk saya bacakan surah Al-Fatihah

dan sedekahkan kepada tukang masak dan sukarelawan terdahulu supaya rasanya sama seperti dahulu," katanya memecahkan rahsia petua keenakan bubur lambuk Kampung Baru.

Zainal Abidin yang sudah berkhidmat memasak juadah itu sejak 37 tahun lalu berkata, seawal pukul tujuh pagi, dia bersama tukang masak sudah sediakan bahan-bahan asas seperti rempah-ratus, daging dan membasuh beras serta memanaskan periuk.

"Kira-kira pukul 8, saya bersama enam tukang masak lain memulakan masakan yang mengambil masa kira-kira tiga jam untuk memasak 15 periuk bubur lambuk," katanya.

Zainal Abidin yang merupakan antar generasi keempat tukang masak bubur lambuk berkata, setiap hari sebanyak 15 periuk bubur lambuk dimasak bersama dengan rakan-rakannya.

"Setiap satu periuk bubur lambuk boleh



ZAINAL ABIDIN mempunyai pengalaman selama 37 tahun dalam mengendalikan urusan memasak bubur lambuk di Masjid Jamek Kampung Baru, Kuala Lumpur.

dinikmati seramai 200 orang. Secara puratanya seramai 3,000 orang boleh menikmati bubur lambuk ini," katanya.

Zainal Abidin yang merupakan anak jati Kampung Baru berkata, kegiatan itu bermula ketika berumur 18 tahun apabila dia pada mulanya sekadar membantu tukang masak terdahulu.



"Haji Munir dan isterinya, Hajah Habsah adalah guru saya dahulu sewaktu mereka menjadi tukang masak di sini pada tahun 80-an."

"Saya menjadi pembantu mereka dan dari situ saya belajar cara menyediakan bahan, membuat dan memasak bubur lambuk," katanya.

Bapa kepada seorang anak itu turut menerima tempahan bubur lambuk dari syarikat-syarikat dan orang persendirian dan ia akan dimasak di sekitar rumah oleh isterinya, Masitah Mahad, 45, dan anak perempuan mereka, Mastura, 32.

Zainal Abidin yang menetap di Jalan Raja Muda berkata, dia akan terus berkhidmat selagi termampu untuk mengekalkan tradisi turun-temurun ini.

"Saya akan melatih generasi baharu supaya tradisi bubur lambuk Kampung Baru yang diwarisi sejak 100 tahun lalu tidak lenyap," katanya.

Pusat sisih sayur Pasar Borong Kuala Lumpur akan diperluaskan

Jimatkan kos buang sisa organik

Oleh NAZWIN NAZRI

winwilayahku@gmail.com

KUALA LUMPUR - Tapak Pusat Penyisihan Sayur Konsortium Pasar Borong Kuala Lumpur akan diperluaskan bagi membolehkan kos penghantaran sisa pepejal ke pusat pelupusan sampah di Bukit Tagar, Hulu Selangor dikurangkan sekali gus menggalakkan inisiatif hijau secara organik.

Difahamkan, sisa organik di pasar borong tersebut adalah 80 peratus dan jumlah tersebut tidak termasuk sisa yang dihasilkan selepas pembeli-pembeli membersihkan sayuran untuk dijual semula.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, pada masa ini, pusat sisihan yang ada berkeluasan 0.4 hektar dan ia hanya terdapat di pasar borong tersebut.

Katanya, pusat tersebut dibina khusus untuk pemberontong sayur dan membersihkannya di pasar borong sebelum ia dibawa keluar.

"Kawasan ini melakukan proses pengolahan sisa organik, daripada ulat jadi baja dan sebagainya. Jadi, proses ini dapat mengurangkan kos penghantaran sisa pepejal ke Bukit Tagar.

"Kita boleh jimat sebanyak RM6,000 bagi setiap 10 tan sisa organik selain da-



NOR HISHAM (tengah) meninjau tong mengisi sayur-sayuran yang ingin dilupuskan menjadi baja di Pusat Penyisihan Sayur di Kuala Lumpur baru-baru ini.

pat menjaga alam sekitar," katanya selepas melawat pusat berkenaan di sini baru-baru ini.

Menurut Nor Hisham, dengan adanya sistem tersebut, penduduk setempat juga turut memperoleh manfaat selain memudahkan mereka untuk membuang sisa organik.

Beliau memberitahu, pihaknya turut menyediakan 16 buah tong Ro Ro dengan dua daripadanya diletakkan di luar pasar borong dan pada masa ini digunakan sepenuhnya pihak pemberontong bagi membersihkan sayuran sebelum dibawa keluar untuk jualan secara langsung.

Katanya, program inisiatif hijau menerusi pusat penyisihan tersebut akan diperluaskan ke pasar lain di seluruh ibu negara selain berharap ia menjadi contoh kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) yang lain.